



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**APLIKASI KONSEP 6C DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU-GURU
PENDIDIKAN MORAL SJKT DAERAH KUALA MUDA**

*APPLICATION OF 6C CONCEPT IN TEACHING AMONG TEACHERS OF
MORAL EDUCATION IN SJKT KUALA MUDA DISTRICT*

Ramasamy Munusamy^{1*}, Vasanthan Gurusamy²

¹ Sultan Idris Education University, Malaysia; SJKT Somasundram, Kuala Muda
Email: cikguramasamy@gmail.com

² Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.
Email: vasanthangurusamy@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.04.2023

Revised date: 18.05.2023

Accepted date: 24.06.2023

Published date: 28.06.2023

To cite this document:

Ramasamy, M., & Vasanthan, G. (2023). Aplikasi Konsep 6C Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Moral SJKT Daerah Kuala Muda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 700-712.

DOI: 10.35631/IJEPC.850050

Abstrak:

Penerimaan ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Daerah Kuala Muda didapati masih ditahap rendah terutama aplikasi 6C. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau aplikasi konsep 6C dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral di SJKT di Daerah Kuala Muda. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data soal selidik diperoleh daripada soal selidik yang telah diemalkan dalam *Google Forms* kepada 6 orang peserta kajian yang dipilih. Peserta kajian dapat akses soal selidik melalui link yang diberi menerusi *Whatsapp*. Selain soal selidik, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan transkripsi perbualan melalui *voice chat*. Analisis data menunjukkan aplikasi konsep 6C dalam kalangan peserta kajian berada ditahap yang sederhana. Cuma 3 orang peserta kajian menguasai kemahiran kompetensi 6C di tahap yang baik dan baki 3 orang masih ditahap rendah. Walaupun begitu pihak KPM masih ada ruang untuk penambahbaikan aplikasi 6C dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral di SJKT di Daerah Kuala Muda melalui Kursus Pembangunan Profesional. Penyelidik berpeluang untuk membuat kajian impak latihan terhadap aplikasi 6C.

Kata Kunci:

Pendidikan Moral, Aplikasi 6C, Pembelajaran Abad Ke-21

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

Acceptance of 21st century learning characteristics among Moral Education teachers in Tamil National Primary Schools (SJKT) in Kuala Muda District was found to be still at a low level, especially the 6C application. Therefore, this study aims to review the application of the concept 6C among Moral Education teachers at SJKT in Kuala Muda District. The design of this study uses a qualitative approach using purposive sampling. Questionnaire data was obtained from a questionnaire that was emailed in Google Forms to 6 selected study participants. Study participants can access the questionnaire through a link provided via Whatsapp. In addition to questionnaires, researchers also used observation methods, document analysis and transcription of conversations through voice chat. Data analysis shows that the application of the 6C concept among the study participants is at a moderate level. Only 3 study participants mastered the 6C competency skills at a good level and the remaining 3 people were still at a low level. Even so, the Ministry of Education still has room to improve the 6C application among Moral Education teachers at SJKT in Kuala Muda District through Professional Development Courses. Researchers have the opportunity to study the impact of training on the application of 6C.

Keywords:

Moral Education, 6C Application, 21st Century Learning

Pengenalan

Dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21 agenda melahirkan modal insan kelas pertama berdasarkan apa yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) telah diberi penekanan sewajarnya. Justeru, tumpuan terhadap kompetensi 6C, iaitu kritis, kreatif, karakter (perwatakan), komunikasi, kerjasama (kolaboratif) dan kewarganegaraan diberi fokus dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (Muhammad Sabri Sahir et.al, 2020). Seiring dengan perubahan dunia VUCAH (*volatility, uncertainty, complexity, ambiguity dan hyper-connected*), guru-guru perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut persekitaran yang mencabar, memprovokasi, merangsang dan meraikan pembelajaran (Manishah Mohd Shah et.al, 2020).

Pendidikan di era 4.0 merupakan fenomena yang perlu dialami oleh masyarakat, dimana manusia dan mesin diselaraskan untuk mencapai penyelesaian, memecahkan masalah serta menemukan inovasi baru. Inovasi teknologi dalam bidang pendidikan mampu meningkatkan kualiti sumber manusia yang dapat bersaing dipersada antarabangsa. Untuk merealisasikan hasrat ini, guru-guru Pendidikan Moral perlulah kreatif, inovatif dalam melaksanakan PdP yang memberi fokus kepada kompetensi 6C (Tri Ani Hadtuti, 2019). Pelaksanaan PdP yang berkesan amat bergantung kepada guru-guru yang mendidik murid menjadi insan yang berdisiplin dan berakhlak mulia (Kalaiselvi Ettikan et.al, 2015). Dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan murid yang mempunyai ketrampilan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah (KPM, 2017), guru-guru harus mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan kompetensi 6C. Walaupun PAK21 berpusatkan murid, para guru tetap relevan dan menjadi ejen pelaksana dan pemudahcara yang perlu mempersiapkan diri dalam memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dengan jayanya (Muhammad Sabri Sahir et.al,

2020). Guru-guru juga perlu menjalankan aktiviti secara bermakna melalui pendekatan '*learning by doing*' (Ariffin et.al, 2017).

Pembelajaran Abad Ke-21

Nor Khayati Basir et al.(2017) menegaskan kaedah PdP dalam sistem pendidikan negara memerlukan proses anjakan paradigma supaya sistem pendidikan negara terus maju seiring dengan keperluan globalisasi.

Kompetensi 6C membolehkan guru menggabungkan komprehensif kemahiran untuk terus mengikuti sistem pendidikan global. Guru seharusnya mengintegrasikan 6C supaya mereka boleh mengajar, memaklumkan, menyelesaikan masalah, memotivasikan pembelajaran pelajar dan menilai tugas murid. Guru melengkapkan pelajar dengan pembelajaran berdasarkan konsep pemikiran kritis, kreativiti, kerjasama, komunikasi, kewarganegaraan, dan pembinaan perwatakan (Siti Inganah et.al. 2023).

Sorotan Kajian

Pendidikan Moral sama ada diperingkat sekolah rendah dan menengah mengalami penambahbaikan melalui proses semakan kurikulum dan penilaian bagi memenuhi keperluan abad ke-21. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan murid menjadi insan yang bermoral dalam kehidupan seharian. Secara khusus mata pelajaran Pendidikan Moral menerapkan nilai-nilai murni yang merangkumi dimensi pemikiran moral, emosi moral dan tingkahlaku moral dalam PdP secara holistik (Maizura Yasin, Nur Surayah Madhubala Abdullah, 2018). Tan B.P ed.al (2018) turut menegaskan bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral memberi penekanan ke arah melahirkan warganegara yang baik, bertanggungjawab, menghormati, patuh kepada arahan, berusaha ke arah melahirkan masyarakat penyayang dan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Rahayu Ahamad Bahtiar, et.al (2020) berpendapat dunia semakin mencabar dan kompleks. Sebarang perubahan dan peranannya yang melibatkan sektor pendidikan perlu bersifat mudah ubah (*agility*). Pandangan ini menerangkan setiap pemimpin pendidikan perlu mengikut keperluan pendidikan abad ke-21. Bagi menghadapi cabaran globalisasi rakyat Malaysia harus mempersiapkan diri dengan asas pendidikan yang kukuh. Guru-guru Pendidikan Moral perlu menguasai kompetensi 6C bagi mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan pemahaman yang mantap terhadap PAK21 (Nurul Azwani Mohd Idriki dan Tan Bee Piang, 2022).

Transformasi pendidikan yang memberi fokus kepada PdP abad ke-21 yang menekankan kompetensi 6C perlu diberi perhatian agar Malaysia mampu berjalan seiring dengan negara-negara lain dalam usaha melahirkan generasi yang berketrampilan, mempunyai karakter yang baik dan mampu berkomunikasi. Usaha-usaha ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai murni seperti etika, kesamaan dan musyawarah dapat diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral (Tan et.al,2015).

Kajian Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020) menunjukkan PdP Pendidikan Moral berusaha melahirkan murid yang dianggap membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti kemasyarakatan. Jadi jelaslah kompetensi 6C yang melibatkan karakter, kewarganegaraan, kolaborasi dan komunikasi sudah terserlah dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini demikian kerana tema-tema yang dibincangkan semasa sesi PdP secara tidak langsung berkait dengan kehidupan sebenar. Sasitharan Raman Kutty et.al. (2019)

penggunaan pelbagai kaedah dalam PdP abad ke-21 dalam Pendidikan Moral sesuai pada zaman milenium ini. Pengkaji dan rakan-rakannya berpendapat pelantar (*platform*) dalam talian seperti *Schoology* dan kelas berbalik (*Flipped classroom*) menjadi satu perubahan baharu dalam PdP Pendidikan Moral untuk mengembangkan lagi pemikiran moral dalam kalangan murid-murid. Ainun Rahmah Ibrahim et.al (2017) mengatakan semasa pelaksanaan PdP abad ke-21, guru memainkan peranan sebagai pemudah cara yang memastikan murid-murid melibatkan diri secara aktif sewaktu proses pembelajaran.

Pada masa kini, PdP berpusatkan guru tidak boleh diamalkan kerana murid tidak begitu berminat penyampaian secara sehala (*one-way traffic*). Oleh itu, kepelbagaian penyampaian dalam PAK21 mampu menerapkan kompetensi 6C dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Penyataan Masalah

Kualiti guru merupakan faktor utama dalam menentukan kemenjadian murid. Walaupun kualiti pendidikan di Malaysia diakui sebagai antara yang terbaik tetapi 50% sahaja isi kandungan yang disampaikan oleh guru-guru dapat diterima oleh murid. Guru-guru kurang melaksanakan perancangan sebelum melakukan PdP dan lebih gemar menghabiskan sukatan pelajaran (Norazimah Abdul Majid et.al, 2021). Kajian Husni et.al (2018) mendapati terdapat empat perkara asas yang berkaitan pelaksanaan PdP PAK21 yang perlu diberi penekanan iaitu persepsi, kesediaan, amalan dan cabaran guru dalam melaksanakan PdP secara berkesan. Pada hakikat sebenarnya penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan guru terutamanya kemahiran kompetensi 6C dalam kalangan guru masih ditahap rendah (Muhammad Sabri Sahir et.al, 2021). Para guru harus disediakan dengan kemahiran abad ke-21 yang meliputi kemahiran inovasi, kemahiran maklumat, kemahiran media dan teknologi dan kemahiran hidup dan kerjaya (Buletin Anjakan, 2015).

Kebanyakan guru Pendidikan Moral yang ditemu bual masih mengamalkan pengajaran secara konvensional secara "*chalk and talk*". PdP cara lama ini tidak relevan dalam era digital. Sebaliknya guru harus bermotivasi dan memperkayakan kaedah PdP mengikut keperluan PAK21. Masalah berkaitan penggunaan kaedah tradisional yang memberi fokus kepada penghafalan menyebabkan murid kurang kreatif dan inovatif (Noor Lela et.al, 2019). Menurut Noor Amalina dan Zanaton (2018) sistem pendidikan di Malaysia masih memberi tumpuan kepada peperiksaan (*exam oriented*) dan kurang memberi tumpuan untuk mengaplikasikan kompetensi 6C berbanding dengan kaedah tradisional yang membosankan. Ini menyebabkan murid-murid tidak begitu berminat mengikuti pengajaran guru. Guru sepatutnya bertindak sebagai pemudah cara (*fasilitator*) semasa menyampaikan ilmu kepada murid-murid. Berdasarkan kepada huraian di atas, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti aplikasi konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral di Daerah Kuala Muda.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan aplikasi konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian dua persolan kajian telah dibina

- a) Apakah tahap aplikasi konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda.
- b) Apakah tahap penguasaan konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memperoleh maklumat berkaitan aplikasi konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda. Kajian ini akan memberi gambaran secara langsung tentang tahap aplikasi dan tahap pengetahuan konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda. Maklumat ini akan memberi faedah kepada pelbagai pihak seperti sekolah, PPD, JPN dan KPM yang berperanan secara langsung dalam membantu guru mempertingkatkan penguasaan konsep 6C dalam PdP. Sekiranya tidak berlaku perubahan yang positif dan guru tidak bersedia mengubah amalan pengajaran lama, usaha penambahbaikan perlu dilakukan oleh pihak KPM untuk menangani masalah ini.

Metodologi Kajian

Othman Lebar (2017) menyatakan pendekatan kualitatif adalah merupakan satu kaedah untuk meneroka tingkahlaku, perspektif, perasaan, pengalaman manusia serta apa yang terdapat dalam kehidupannya. Penyelidik memilih pendekatan kualitatif dalam kajian ini, Tujuan penyelidikan kualitatif untuk memberikan gambaran jelas mengenai aplikasi konsep 6C dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral sewaktu proses PdP. Data yang digunakan iaitu data jenis primer dan sekunder. Data primer dari sumber asli meliputi temubual dan pemerhatian. Data sekunder diperolehi melalui Rancangan Pengajaran Harian Guru, pemerhatian dan lembaran kerja yang disediakan oleh guru. Soalan telah disediakan dalam *Google Forms* dan telah dihantar kepada peserta kajian melalui link yang diberi menerusi *WhatsApp*. Penyelidik memilih persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini untuk mendapat gambaran jelas daripada peserta kajian.

Menurut Michela Lucian et.al,(2019) persampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah pemilihan sampel dengan mempertimbangkan peserta kajian atau informan yang dianggap paling mengetahui mengenai maklumat yang dikaji. Kebiasaanya informan lebih mudah bertindak secara lisan dan mengetahui sesuatu persoalan yang dikemukakan dengan tepat dan memudahkan penyelidik untuk membuat transkripsi. Selepas menjalankan temu bual bersama informan untuk menghasilkan transkripsi melalui rakaman suara dari *voice chat* dan jawapan bertulis yang telah dihantar oleh peserta kajian. Dalam proses menyediakan transkripsi penyelidik mendengar semula perbualan melalui *voice chat* yang dilaksanakan bersama peserta kajian. Akhirnya teknik triangulasi dilakukan dengan mengumpulkan data analisis dokumen dan temu bual dilakukan untuk mengukuhkan lagi kajian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian daripada soal selidik dan data temubual bersama peserta kajian dibentangkan untuk tujuan penyelidikan ini. Tinjauan temu bual bersama peserta kajian 1 hingga peserta

kajian 6. Daripada 6 orang peserta kajian, cuma tiga orang tahu tentang kompetensi 6C dalam pembelajaran abad ke-21. Baki 3 orang peserta kajian tidak mempunyai kemahiran kompetensi 6C semasa menyampaikan PdP Pendidikan Moral. Mereka kurang kemahiran menerapkan elemen-elemen 6C bagi menggalakkan penglibatan murid secara aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru hanya bergantung kepada buku teks dan persediaan mengajar. Lebih membimbangkan lagi, mereka tidak ada kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sedangkan, dalam PAK21 TMK perlu disebatikan dalam PdP untuk menarik minat murid untuk terus kekal sehingga tamat pengajaran. Dari pemerhatian penyelidik, bersama beberapa orang peserta kajian, amalan TMK sangat rendah dalam kalangan guru-guru Pendidikan Moral yang diperhati.

Pandangan peserta kajian 1 mengenai aplikasi kompetensi 6C sewaktu PdP.

“...’ Sewaktu proses PdP saya menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikan elemen-elemen 6C seperti kolaboratif, kepimpinan, kemahiran berfikir, komunikasi, karakter dan kewarganegaraan. Ini kerana mereka kurang berminat untuk mencuba idea-idea baharu sewaktu PdP. Sesetengah murid suka duduk dalam kelompok dan banyak berborak dan bermain. Murid-murid ini lebih berminat untuk salin nota daripada melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan oleh guru. (Peserta Kajian 1)

Seterusnya peserta kajian 2 berpendapat murid-murid lebih suka bekerja secara individu daripada melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan. Pandangan peserta kajian 2 adalah seperti berikut;

“..... Saya menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikan salah satu kompetensi 6C iaitu kerja berpasukan tidak dapat dilaksanakan kerana mereka lebih suka bekerja secara bersendirian. Ada sesetengah murid rasa malu dan tidak mahu bercakap sewaktu sesi soal jawab dan perbincangan dalam kelas. Ada sebilangan kecil murid pasif yang suka mendingkan diri sewaktu PdP. Selaku guru mata pelajaran saya mencuba pelbagai cara untuk menarik minat mereka tetapi ternyata gagal. Saya harapkan murid-murid dapat berfikir secara kritikal apabila memberi sesuatu isu mengenai alam sekitar tetapi maklum balas yang diterima daripada mereka lebih kepada apa yang tercatat dalam buku teks. Mereka tidak dapat berfikir di luar kotak untuk mencari jawapan kepada isu yang dikemukakan. Bahan-bahan bantu mengajar yang saya gunakan juga tidak membantu untuk mencungkil idea-idea baharu daripada murid-murid. Buku teks yang digunakan tidak membantu untuk mengintegrasikan kemahiran-kemahiran 6C dalam Pendidikan Moral. (Peserta Kajian 2)

Peserta Kajian 3 merupakan guru novis yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral selama 3 bulan. Guru novis ini, adalah graduan dari Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru ini menguasai semua kompetensi 6C sewaktu belajar di Institut Pendidikan Guru dan cuba mengintegrasikan TMK sewaktu PdP. Guru novis merupakan seorang guru yang rajin dan berdedikasi tetapi beliau menyatakan bahawa anak muridnya tidak bermotivasi untuk belajar menyebabkan beliau menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pengajaran dengan sebaik mungkin. Ini adalah pandangan peserta kajian 3.

“..... Saya menghadapi kesukaran untuk mengaplikasi kompetensi 6C yang saya faham sewaktu proses PdP. Saya mendapati murid-murid saya kebanyakan dari latar belakang sosioekonomi yang rendah. Kebanyakan murid-murid ini datang dari kawasan pedalaman

seperti ladang dan pekan kecil yang berhampiran. Persekitaran tempat tinggal mereka juga agak daif. Ibu bapa mereka bekerja sebagai penoreh getah dan buruh di ladang kelapa sawit ataupun operator kilang. Selaku guru novis yang ditempatkan di sekolah ini saya menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pengajaran dengan baik. Masalah utama saya ialah murid-murid saya tidak bermotivasi. Sesetengah murid kurang melibatkan diri dalam kerja kumpulan yang diberikan dan lambat memberi jawapan apabila guru mengajukan soalan berkaitan tajuk yang diajar.

Guru novis ini berasa serba salah kerana segala usahanya menarik minat murid mengikuti pengajarannya menjadi buntu. Beliau bercadang mendekati murid-murid ini dengan memberi kaunseling dan mengetahui masalah yang mereka hadapi untuk mengikuti pembelajaran guru. (Peserta kajian 3)

Peserta kajian 4 berpendapat beliau masih keliru dengan amalan kompetensi 6C dalam pembelajaran abad ke-21. Menurut beliau lagi, sewaktu beliau mengikuti pengajian di IPG, cuma tahu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) tetapi kurang arif mengenai aplikasi mengenai kreatif, karakter dan kewarganegaraan. Beliau memberi jaminan akan cuba meneroka ilmu baharu yang ada dalam pembelajaran abad ke-21 dengan mengikuti seminar, bengkel dan kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Peserta kajian 4 merupakan Penolong Kanan Kokurikulum dan banyak melibatkan diri dalam program anjuran PPD dan Jabatan Pelajaran Negeri. Berikut adalah pandangan peserta kajian 4.

“..... Saya tidak dapat menerapkan kemahiran 6C dan tidak ada masa kerana terpaksa tinggalkan kelas untuk mengikuti aktiviti sukan dan permainan anjuran Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Waktu PdP saya digantikan dengan tugas-tugas lain yang tidak ada kaitan dengan Pendidikan Moral. Walaupun saya berusaha untuk mengadakan kelas gantian sewaktu kelas relief tetapi ternyata sukar untuk menggantikan kelas yang ditinggalkan. Apa yang saya buat memberi nota berkaitan tajuk yang telah saya tinggalkan diikuti dengan latihan yang berkaitan tajuk berkaitan. (Peserta kajian 4)

Peserta kajian 5 pula seorang guru Pendidikan Moral yang mahir dalam bidang TMK. Beliau mengaplikasikan PAK21 melalui aktiviti “hands-on” untuk meningkatkan kompetensi kreativiti, inovasi dan penyelesaian masalah tetapi menyatakan segala ilmunya tidak dapat diturunkan kepada anak muridnya kerana beberapa kekangan seperti di bawah;

“..... Saya sedar dan faham penggunaan media yang menggabungkan teknik suara, bunyi, gambar, video serta teks sangat penting untuk mewujudkan suasana PdP yang menarik dan menyeronokkan. Semasa proses PdP saya suka gunakan aplikasi Whatsapp, PDF dan Youtube. Cabaran yang saya alami untuk menggunakan makmal TMK kerana bilik itu harus ditempah dua hari lebih awal. Saya perlu berebut-rebut dengan guru-guru mata pelajaran lain. Kadangkala wifi yang lemah mengganggu perancangan saya untuk menyampaikan pengajaran berbantuan TMK. Saya terpaksa mencari alternatif lain seperti menyampaikan bahan-bahan pengajaran melalui aplikasi Whatsapp untuk mencapai objektif pengajaran. Satu lagi masalah yang saya hadapi ialah bukan semua murid saya mempunyai telefon pintar yang ada aplikasi Whatsapp. (Peserta kajian 5)

Peserta kajian 6 berpendapat dalam pembelajaran abad ke-21 murid-murid perlu kreatif dan berfikir kritis. Malangnya murid-murid tidak faham maksud pemikiran kritis dan kreatif. Menurutnya, pemikiran kritis dan kreatif merupakan konsep yang berkaitan dengan tahap intelektual murid-murid. Sebagai contoh pemikiran kritis menjelaskan maksud, mengenal pasti hubungan antara soalan, diskriptif idea atau fakta. Pada hakikat sebenarnya, guru-guru cuma menggalakkan murid menggunakan kemahiran pemikiran kritis tanpa memberi panduan dan contoh dalam kelas. Berikut adalah pandangan dari peserta kajian 6.

“..... Masalah yang saya hadapi untuk mengaplikasikan kompetensi 6C sewaktu PdP terutamanya yang melibatkan tugas dalam kelas dan perbincangan. Murid-murid sepatutnya berfikir secara kritis semasa memberi sebarang pandangan apabila membincangkan sesuatu isu. Daripada pemerhatian, saya dapati kebanyakan murid saya tidak ada kemahiran ini. Murid-murid juga kurang membaca bahan-bahan tambahan seperti surat khabar untuk membincangkan sesuatu isu seperti penderaan kanak-kanak. Mereka bergantung 100% kepada kandungan yang dalam buku teks. Sebagai seorang guru yang ingin menerapkan kompetensi 6C dalam PdP menjadi satu cabaran kepada saya untuk mencari jalan penyelesaian. Namun saya akan berusaha menerapkan pembelajaran abad ke-21 dengan memberi pemahaman yang mendalam kepada anak didik saya. (Peserta kajian 6)

Perbincangan

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian a) apakah tahap aplikasi konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda dan persoalan kajian b) apakah tahap penguasaan konsep 6C dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Kuala Muda.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini, penyelidik mendapati guru-guru Pendidikan Moral di SJKT di Daerah Kuala Muda menghadapi kesukaran membahagikan masa yang diperuntukan untuk melaksanakan aplikasi 6C dalam proses PdP. Kajian ini selari dengan kajian Siti Inganah et.al, (2023) juga menyatakan pelaksanaan PdP yang menerapkan kompetensi 6C akan mengambil masa yang lama. Sousa (2021) juga sependapat dengan penyelidik. Menurut Sousa, guru-guru perlukan masa yang lama untuk menghabiskan sesuatu aktiviti PdP. Pengurusan masa adalah masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Moral di SJKT di Daerah Kuala Muda. Guru-guru tidak berpuas hati dengan masa yang diperuntukan dalam jadual waktu untuk mata pelajaran Pendidikan Moral. Semasa sesi temu bual, guru-guru menjelaskan mereka terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian yang tidak mendatangkan sebarang faedah. Dalia et.al.(2020) mengatakan beban kerja guru berkait rapat dengan pengurusan masa untuk PdP. Ini memberi kesan terhadap kemenjadian murid. Namun, guru-guru Pendidikan Moral seharusnya bijak mengurus masa dan kuatkan semangat untuk mengajar dengan penuh kesabaran agar PdP dalam kelas tidak terganggu dengan aktiviti luaran.

Hasil pemerhatian terhadap pelaksanaan PdP keenam-enam peserta kajian mendapati aplikasi kompetensi 6C dalam kalangan guru-guru ini di tahap sederhana. Guru-guru jarang menerapkan aplikasi 6C dalam kelas. Kesemua guru yang di temu bual menyuarakan perlunya Kursus Pembangunan Profesional bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap kompetensi 6C. Dapatan ini bercanggah dengan kajian Namsone, D, Cakane et.al (2016) yang menyatakan perkembangan profesionalisme semata-mata tidak menyelesaikan masalah memandangkan

guru-guru sendiri haruslah mengubah sikap dan perlu menerokai sumber pendidikan terkini untuk menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21.

Guru yang berkualiti akan merangsang murid-murid untuk melibatkan diri dalam proses PdP. Murid yang aktif akan bekerjasama dengan rakan sekelas dan akan berusaha untuk membaiki kelemahan dengan bimbingan guru (Singh, et.al, 2017). Usaha melahirkan guru-guru yang berkualiti dan memenuhi Standard Profesion Perguruan bertaraf antarabangsa perlu bagi mencapai hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Ini kerana kompetensi 6C merupakan elemen yang penting dalam PAK21. Seorang guru yang kreatif akan berusaha menyediakan pembelajaran yang lebih menarik akan menggalakkan murid-muridnya berfikir diluar kotak dan dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam kelas dengan kehidupan sebenar (Charanjit Kaur Swaran Singh et.al,2020).

Walau bagaimana baik sekalipun kurikulum yang dibina, tanpa penglibatan guru secara berkesan tidak akan melahirkan murid yang mempunyai kefahaman dan amalan sahiah melalui PdP Pendidikan Moral. Noarazlin Mohd Rusdin et.al, (2019) mencadangkan murid-murid perlu menguasai kemahiran seperti kolaboratif, kemahiran maklumat dan pembelajaran asas sendiri. Namun demikian, guru-guru juga perlu menguasai kemahiran TMK sehingga mampu mengatasi segala cabaran secara efisien (Nurul Azwani Mohd Idriki & Tan Bee Piang, 2022).

Siti Inganah.et.al (2021) berpendapat kalau ingin mahir kemahiran komunikasi, guru-guru perlulah memperkenalkan aktiviti seperti permainan sewaktu PdP untuk menggalakkan murid berkomunikasi dan berkolaborasi untuk menyelesaikan sesuatu tugas secara bersama. Aktiviti ini juga membantu guru mengintegrasikan pemikiran kritikal dan kreativiti dengan jayanya. Usaha menerapkan teknologi dalam kalangan guru memang ada cabaran kerana guru-guru yang sudah berusia hanya mahu menggunakan kaedah tradisional seperti *chalk and talk* dan tidak mahu menggunakan teknologi dalam usaha penyampaian ilmu. Guru-guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan dan sentiasa bersedia meningkatkan kompetensi dan Profesionalisma Perguruan. Pengkaji melalui pemerhatian dan analisis dokumen yang digunakan oleh guru-guru seperti Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan bahan-bahan bantu mengajar mendapati guru-guru Pendidikan Moral yang dikaji mempunyai pengetahuan yang kurang tentang amalan pemikiran kritis dan kreatif sewaktu melaksanakan PdP.

Kajian ini selari dengan kajian Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) yang berpendapat kebanyakan guru masih belum bersedia melaksanakan kemahiran berfikir seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran kerana kurang pendedahan kemahiran abad ke-21. Menurut pengkaji-pengkaji ini lagi, guru-guru dibebani dengan pelbagai tugas lain yang menghalang mereka melaksanakan PdP yang menerapkan elemen-elemen 6C. Justeru, kesediaan guru dalam melaksanakan kompetensi 6C dalam PdP abad ke-21 adalah penting untuk membolehkan anak didik mereka dapat menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Dari pemerhatian penyelidik mendapati kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) dan peralatan TMK seperti LCD projektor memberi kesan terhadap kesediaan dan motivasi guru untuk menjalankan PdP secara berkesan. Ini secara tidak langsung boleh menyebabkan murid tidak berminat untuk memberi tumpuan semasa pelaksanaan PdP Pendidikan Moral. Suppiah

Nachiappan et.al.(2017) sependapat dengan penyelidik, iaitu penggunaan BBM masih tidak efektif disebabkan kekangan masa, tenaga dan wang. Hal ini menyebabkan kebanyakan guru bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai BBM sewaktu PdP. Dicaungkan dalam usaha menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) guru-guru boleh mencari bahan-bahan pengajaran dalam bentuk artikel dan berbincang dengan guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang sama. Teknik ini membolehkan guru-guru berkongsi maklumat dan dapat memperkayakan bahan-bahan pembelajaran. Usaha ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus melibatkan diri dalam PdP Pendidikan Moral.

Masalah komunikasi yang terbatas antara murid dan guru di dalam kelas disebabkan bilangan murid yang ramai dan batasan waktu dapat diatasi dengan mengintegrasikan aplikasi *Whatsapp* dalam PdP. Kajian yang dijalankan oleh Nur Farah Hani Abdul Rahim dan Sakinah Salleh (2022) telah membuktikan aplikasi *Whatsapp* yang digunakan untuk menghantar mesej audio kepada murid di luar waktu persekolahan. Melalui aplikasi ini terbukti murid merasa teruja untuk mempelajari Pendidikan Moral tanpa bebanan kepada menghafal nilai-nilai moral tanpa mengetahui dan menghayati nilai-nilai tersebut.

Perbincangan mengenai perwatakan, kajian ini selari dengan kajian Elya karim et.al, (2020) yang menyatakan guru-guru harus bergerak seiring dengan trend global untuk pembangunan pendidikan. Guru-guru yang telah didedahkan dengan pengalaman pendidikan abad ke-21 yang menggabungkan kompetensi 6C mampu menghadapi halangan dan cabaran yang mendatang. Guru-guru perlulah sentiasa bersedia melakukan peningkatan secara berterusan melalui kepelbagaian kaedah pengajaran yang mengintegrasikan teknologi mengikut keperluan IR4.0. Dengan cara ini, usaha KPM untuk melahirkan generasi yang menghargai nilai-nilai kemasyarakatan, bertanggungjawab, penyayang dan warganegara yang menyumbang ke arah kemajuan negara akan direalisasikan.

Kesimpulan

Para guru sepatutnya berusaha menerapkan kemahiran 6C secara teori dan amali serta menguasai perkakasan digital (*digital tools*) apabila berhadapan dengan generasi Z yang sudah mendahului penguasaan perkakasan digital. Kaedah pengajaran perlu diubah dari berpusatkan guru kepada berpusatkan murid yang menjurus kepada pembelajaran akses sendiri dengan menerapkan kompetensi 6C. Pihak Jabatan Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan KPM boleh menambah lagi kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan yang dapat memenuhi agenda PAK21. Dengan pendedahan ini, guru-guru Pendidikan Moral secara khususnya akan sentiasa mahir dalam usaha mengaplikasikan kemahiran komunikasi, kolaboratif, kemahiran kritis dan kreatif, perwatakan dan kewarganegaraan dalam proses PdP.

Penghargaan

Saya bersyukur kepada Tuhan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr.Vasanthan Gurusamy supervisor yang sentiasa membimbing dan membantu mempermudah urusan dalam menerbitkan penulisan jurnal ini. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan penulisan jurnal ini.

Rujukan

- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahmood & Wan Rozzana.(2017). Pembelajaran Abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, Vol7,bil 2, pp 77-88.
- Ariffin,N.A.,& Yunus,F. (2017). Kesiediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- Buletin Anjakan.(2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Bil 4, Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Charanjit Kaur Swaran Singh, Eng Tek Ong, Tunku Mahani Tunku Mohtar, Tarsame Singh, Nor Azmi Mostafa. (2020). Quality Teachers Of the 21st Century: An overview of Theories and Practice. *International Journal Of Innovation, Creativity and Change*. Volume 13, issue 1.
- Dalila, A., Ruslin, A.,& Salleh, A.(2021). Hubungan Tingkahlaku Kepimpinan Guru Besar dan Beban Kerja Guru Terhadap Prestasi Kerja Guru. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 3 (1), 30-40.
- Elya Karim, Nor Azah Ahmad Safran, Noor Haslinda Shuib, Haliza Hamzah, Norhayati Hashim & Mohd Paris Salleh. (2020). 6C level among Trainee Teachers Upon the Implementation of NPDL in Teacher Training Institute. *International Journal Of Innovation, Creativity and Change*. Volume II, Issue II.
- Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan kajian Kesiediaan Guru dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di bilik darjah. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education and Literature*. 9 (1), 80-101.
- Hastuti, Tri Ani.(2019). Implikasi Profesionalisme Guru untuk Pembelajaran Berorientasikan Berfikir Tingkat Tinggi (HOTS) dalam menghadapi Era Revolusi 4.0.
- Husni, A., Abd Razif, Z., Khairatul Aman, A.L., Hasanah, Ku Fatahiyah, K.A., Wan Sakiah, W.N. & Naqibah, M.(2018). Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah Menengah di Malaysia. Amalan dan Cabaran. *International Research Managment & Innovation Conference*. Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018.
- Kalaiselvi Ettikan, Nur Surayyah Mashubala Abdullah & Umi Kalthom Abdul Manaf.(2015). *International Journal of Education and Training (INJET)*. 1(2), Pg1-8.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Manisah Mohd Shah & Mahamsiatu Kamaruddin.(2022). Kompetensi 6C Siswa Guru dalam pelaksanaan Inovasi Digital Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Jabatan Ilmu Pendidikan IPG Kampus Pendidikan Teknik. *Journal Of ICT in Education*. 87-102.
- Muhammad Sabri Sahir, Nurulhuda Osman, Ilyani Syiham Muhammad. (2020). Aplikasi konsep '4C' pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan Guru pelajar Sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah UIAM. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol 2. No 1.
- Michela Luciani, Karen Campbell, Holly; Tschihart; David Ausili, Susan M.Jack.(2019). How to Design a Qualitative Helath Research Study. Part 1: Design and Purposive Sampling Consideration. Vol 72(2). April- June.
- Namsone, D., Cakane, L., France, I. & Butkevica, A. (2016). Lesson Based Professional Development Helping Primary Teachers teach 21st Century Skills. *Proceedings Of ICERI, 2016 Conference*.

- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali.(2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21. *Research Institute Of Islamic Product and Malay Civilization*. 26(4), 87-103.
- Nurfarah Hani Abd Rahim & Sakinah Salleh. (2022). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp. Kajian kes di SMK Raja Muda Musa. *Internasional Journal of Education, Psychology and Counseling*. Volume 7, Issue 47.
- Nurul Azwani Mohd Idriki, Tan Bee Piang.(2022).Aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam talian: Cabaran guru Pendidikan Moral. *Mualim Journal Of Social Science and Humanities*. Volume 6, 16-55.
- Norazimah Abdul Majid, Roslan Saari, Kamaruddin Ilias, Azmi Abdul Hamid. (2021). Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam Pentaksiran Kerja Kursus Program PISMP di Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 19 (Bil 2).
- Noor Lela Ahmad, Sha Sin Looi, Hariyety Abd Wahid, Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran abad ke-21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Volume 4, issue 28. PP 28-31.
- Noor Amalina, A.B, & Zanaton. (2018). Pengetahuan, Kemahiran dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam subjek matematik Kejuruteraan 1 Awam dan Alam Sekitar. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan*. 5 Julai 2018. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2017. Sikap Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar Di Politeknik Perak. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3 (1):1–14.
- Otman Lebar.(2017). Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan methode: Selangor Nurniaga Sdn.Bhd.
- Rahayu Ahmad Bahtiar, Shah Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) Covid-19.
- Sasitharan Raman Kutty, Vasanthan Gurusamy, Noor Banu Mahadir Naidu & Chander Vengadasalam. (2019), Penggunaan Schoology untuk memerihalkan isu dalam pendidikan moral menerusi kelas berbalik (*Flipped classroom*).volume 3, issue 3.
- Siti Inganah, Rani Darmayanti, Nopia Rizki.(2023). Problems, Solution and Expectations: 6C Integration of 21st Century Education into learning Mathematics. *Journal Of Mathematics and Science Education*. 11(1), 220-238.
- Siti Inganah, Rani Darmayanti & Nopia Rizki (2023) Problems, Solutions, and Expectations: 6C Integration of 21st Century Education into Learning Mathematics. *JEMS (Journal of Mathematics and Science Education)*, 11(1), 2023, 220-238 DOIs: 10.25273/jems.v11i1.14646.
- Singh, C.K.S., Othaman Lebar, Napisah Kepol, Rafiah Abdul Rahman & Kurotol Aini Muhammad Mukhtar.(2017). An observation of classroom Assessment Practice Among Lectures in selected Malaysian Higher Learning Institutions. *Malaysian Journal Of Learning and Instruction*. 14 (1), 23-61.
- Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy & Sandra Suffian. (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian melalui kaedah Hermeneutik. *Journal of Research, Policy and Practice of Teacher Education*. Vol 7, N0 2.

- Sousa, M.(2020). Serious board games: Modding existing games for Collaborative ideation processes. *International Journal Of Serious Games*. 8 (2).
- Tan B.P. Naidu, N.B.M. & Jamil,Z.(2018). Moral Values And Good Citizens In A Multi-Ethnic society: A content analysis of moral education textbooks in Malaysia. *The Journal Of Social Studies Research*. 42(2), pp 119-134.
- Tan, B.P. Rahimah Wahid & Zuraini Jamil @ Osman.(2015). Peranan Guru Dalam Membina Iklim Moral dalam bilik darjah. *Perspektif: Journal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 7(3), 87-95
Diakses daripada:
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1722>.
- Vijaya Malani Verasamy & Vishalache Balakrishnan. (2020). Aktiviti di luar waktu pengajaran Pendidikan Moral di Malaysia. Satu Pengenalan.MIMBAR PENDIDIKAN. *Jurnal Indonesia untuk kajian pendidikan*. Volume 5(2).